UUM/AA87/BH/20.6.2026/P:11 (1-3)

Jabatan Peguam Negara terus pacu reformasi keadilan



Peguam Negara

Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar
bhrencana@bh.com.my

Kedaulatan undang-undang bukanlah suatu konsep statik yang hanya tersimpan dalam lipatan sejarah. Ia suatu kerangka hidup yang perlu sentiasa berkembang seiring perubahan masyarakat dilayaninya.

Reformasi institusi ialah enjin yang memastikan kerangka ini terus moden, tersusun dan anjal, sekali gus menjamin neraca keadilan kekal seimbang dalam dunia moden yang semakin mencabar.

Tidak dapat dinafikan Jabatan Peguam Negara (AGC) memainkan peranan utama dalam memajukan reformasi undang-undang di negara ini. Antara reformasi paling penting yang sedang diusahakan ketika ini ialah pemisahan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Langkah ini bertujuan mewujudkan fungsi Pendakwa Raya yang benar-benar bebas, terpisah daripada peranan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan. Ia menjadi satu pencapaian penting dalam memperkukuh kebebasan pendakwaan dan meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem keadilan negara.

Reformasi ini juga penting kerana ia memperkukuh prinsip pengasingan kuasa serta meyakinkan rakyat bahawa keputusan pendakwaan dibuat secara bebas dan berasaskan pertimbangan undang-undang.

Selepas bacaan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 2) 2026 pada 23 Februari 2026, cadangan perundangan ini kini sedang diteliti secara menyeluruh oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen *ad hoc*, yang mencerminkan komitmen teguh terhadap akauntabiliti demokratik dan tadbir urus yang baik.

Setakat ini, penyata dan pindaan dalam jawatankuasa dimuktamadkan Jawatankuasa Pilihan Khas dan akan dibentangkan di Dewan Rakyat semasa Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Ke-15.

Hala tuju kita ke arah sistem keadilan moden dapat dilihat melalui beberapa inisiatif perundangan penting, khususnya usaha memodenkan asas perundangan lama negara. Dalam hubungan ini, AGC sedang melaksanakan Kajian Reformasi Undang-Undang Pra-1969 bagi mengenal pasti undang-undang perlu dipinda, dikemas kini atau dimansuhkan supaya kekal relevan dengan keperluan semasa.

Usaha ini merangkumi semakan dan reformasi undang-undang Malaysia secara sistematik, penyelarasan undang-undang dengan keadaan semasa, penyesuaian undang-undang dengan keperluan masyarakat moden serta penerapan pendekatan baharu yang lebih berkesan dalam pentadbiran undang-undang dan penyampaian keadilan.

Beberapa undang-undang dan reformasi perundangan penting sudah digubal bagi tujuan berkenaan, termasuk Kanun Keseksaan (Pindaan) (No 2) 2023 (Akta A1691), Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 (Akta A1692) dan Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 (Akta A1693).

Sebagai sebahagian agenda reformasi institusi lebih luas berkaitan perkhidmatan Parlimen di Malaysia, AGC turut menyumbang kepada penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 (Akta 869). Akta ini memberi kuasa kepada Parlimen untuk mengurus hal ehwal perjawatan, kewangan dan pentadbirannya secara bebas, termasuk melalui pembentukan kerangka tadbir urus dan pentadbiran yang kukuh bagi menyokong fungsi Parlimen.

Selain itu, AGC juga memajukan reformasi bersemua. Antara reformasi penting ialah pembaharuan perkhidmatan bantuan guaman di Malaysia melalui penggubalan dan penguatkuasaan Akta Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2026 (Akta 878).

Di bawah undang-undang baharu ini, akses kepada perkhidmatan guaman, khususnya bagi masyarakat luar bandar dan individu yang kurang mengetahui hak undang-undang mereka, akan dipertingkatkan. Ini termasuk pengenalan mekanisme yang membolehkan orang ramai mendapatkan nasihat guaman secara dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat bantuan guaman.

Majukan agenda reformasi undang-undang

AGC juga memainkan peranan proaktif dan strategik dalam memajukan agenda reformasi undang-undang Kerajaan MADANI secara lebih luas. Melalui nasihat undang-undang yang tepat pada masanya, kukuh dan berpandangan jauh, AGC memberi sumbangan besar kepada pembangunan dan pelaksanaan beberapa langkah perundangan utama merentasi pelbagai pihak berkepentingan.

Antara undang-undang penting yang sudah digubal termasuk Akta Audit (Pindaan) 2024 (Akta A1720), Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Akta 867) dan Akta Anti-Buli 2026 (Akta 876).

AGC juga terus menyokong beberapa reformasi utama yang sedang dalam proses pelaksanaan bagi memperkukuh akauntabiliti institusi dan menambah baik tadbir urus, termasuk:

- RUU Kebebasan Maklumat, yang dipersetujui secara prinsip oleh Jemaah Menteri, bertujuan memperluas akses awam kepada maklumat dipegang kerajaan selaras dengan prinsip ketelusan. Dalam melaksanakan peranan ini, AGC memainkan fungsi penting untuk mengimbangi tuntutan ke arah ketelusan lebih luas dengan keperluan melindungi kerahsiaan serta menjaga data peribadi.
- Cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia, yang menjadi satu reformasi institusi penting bagi memperkukuh kedaulatan undang-undang melalui penambahbaikan tadbir urus dan menangani salah tadbir menerusi satu mekanisme yang bebas, telus dan bertanggungjawab. Ia bertujuan mewujudkan badan pengawasan berpusat bagi aduan awam, memperkukuh perlindungan pemberi maklumat serta menyediakan saluran penyelesaian aduan lebih cekap dan mudah diakses oleh rakyat.
- Cadangan pindaan kepada Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696), yang dipersetujui secara prinsip oleh Jemaah Menteri, bertujuan memperkukuh kerangka sedia ada, antaranya dengan memperkenalkan keperluan supaya saksi di bawah Program Perlindungan Saksi menandatangani perjanjian bagi memastikan pematuhan terhadap terma dan syarat yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, semua inisiatif ini mencerminkan usaha tersusun, bersepadu dan berterusan untuk memperkukuh kedaulatan undang-undang melalui reformasi undang-undang dan institusi yang praktikal serta bersasar.

Dalam hal ini, AGC berpaksikan satu prinsip asas, iaitu undang-undang mesti sentiasa berkembang untuk mencerminkan dan menjawab keperluan masyarakat berubah, di samping menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi pesat dan arus globalisasi.

Marilah kita bersama-sama bergerak ke hadapan untuk memajukan reformasi institusi dan membina sistem keadilan moden, didorong tekad teguh serta komitmen tidak berbelah bahagi terhadap kedaulatan undang-undang.

> “AGC berpaksikan satu prinsip asas, iaitu undang-undang mesti sentiasa berkembang untuk mencerminkan dan menjawab keperluan masyarakat berubah, di samping menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi pesat dan arus globalisasi”

Petikan Syarahan Perdana Ceo@Faculty, Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kompleks Konvensyen UUM pada 18 Jun 2026

